KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	27.05.22	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	-			

Reptilia lebih empat meter ditangkap guna jerat

Belah perut buaya cari anggota badan budak

Oleh ALWANI ZAFIRAH KHAIRUL

KUCHING – Pasukan penyelamat tidak menemui sebarang anggota badan manusia dalam perut seekor buaya sepanjang lebih empat meter yang berjaya ditangkap susulan kehilangan seorang kanak-kanak lelaki di Sungai Nyabut, Telaga Air di sini pada Sabtu lalu.

Operasi menangkap dan membelah perut reptilia seberat 800 kilogram itu dilakukan oleh seramai 45 anggota kira-kira pukul 9.30 pagi semalam.

Komander Operasi, Pegawai Bomba Kanan I, Yusri Basri berkata, pihaknya sebelum itu berjaya menjerat seekor buaya yang disyaki telah menelan seorang kanak-kanak dikenali Mohammad Adami Moktar, 7, selepas mangsa dilaporkan hilang ketika mengambil air di sungai berkenaan.

Katanya, kejadian berlaku pukul 8.30 pagi pada Sabtu lalu ketika mangsa sedang duduk di tebing sungai terbabit bersama nenek dan seorang kakaknya.


"Hari ini (semalam) adalah hari kelima operasi mencari dan menyelamat (SAR) dijalankan bagi mengesan kanak-kanak tersebut dan buaya berkenaan dibawa ke jambatan nombor tiga Sungai Nyambut oleh pasukan Sarawak Forestry Corporation Kuching (SFC) untuk proses bedah siasat.

"Bagaimanapun, hasil bedah siasat yang dilakukan, tiada sebarang penemuan anggota badan manusia di dalam perut buaya berkenaan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Terdahulu, Ketua Polis Daerah Padawan, Superintendan Abang Zainal Abidin Abang Ahmad mengesahkan mengenai kejayaan menjerat seekor buaya di Sungai Nyabut kelmarin.

"Disahkan ada tangkap seekor buaya, tetapi belum dapat disahkan sama ada buaya tersebut adalah buaya yang menyerang mangsa atau bukan," katanya.

Sebanyak 17 jerat buaya dipasang di sekitar sungai berkenaan oleh pasukan pemburu buaya.



PASUKAN pemburu berjaya menangkap buaya seberat 800 kilogram di Sungai Nyabut, Kuching kelmarin.